



PINDAAN AKTA PERSAINGAN 2010

## Pengguna dilindungi, elak monopoli pasaran

► Masyarakat terima kesan perniagaan babit penggabungan, pengambilalihan

itu bertujuan mengelak monopoli pasaran oleh syarikat yang lebih dominan dalam pengambilalihan atau penggabungan, selain memastikan industri bersaing secara sihat demi kebaikan per-

“MyCC sedang berusaha untuk mempertahankan fungsi dan perannya dengan memulakan kajian bagi cadangan pindaan Akta Persaingan 2010.

“Kita menjangka rangka pindaan ini akan dapat disiapkan sebelum hujung tahun ini dan kemudian dikemukakan kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk dibincangkan dalam Kabinet sebelum dibawa ke peringkat selanjutnya,”

Iskandar berkata, langkah itu juga bertujuan memantapkan lagi penguatkuasaan undang-undang persaingan di negara ini. “Masyarakat sudah mula sedar dan terkesan dengan isu pengga-

bungan dan pengambilalihan sebagai contoh kes membatikkan syarikat penyedia perkhidmatan e-hailing, Grab dan Uber,” katanya.

### Bersaing secara sihat

Baru-baru ini, seorang penganalisis ekonomi, Izzuddin Yussof, berkata penggabungan perniagaan membabitkan syarikat besar di negara ini perlu dipantau dengan teliti bagi memastikan industri bersaing secara sihat demi kebaikan per-

niagaan serta pengguna. Malah, gabungan antara dua syarikat besar akan mewujudkan risiko monopoli atau kemungkinan lebih tepat, oligopoli iaitu ada beberapa peserta industri yang berkecimpung menguasai pasaran. Beliau berkata, kuasa untuk mengawal rejim penggabungan dan pengambilalihan adalah perlu supaya tidak mengurangkan persaingan di pasaran yang mana ia akan mendatangkan banyak kesan lain jika tidak dikawal.

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@nsp.com.my

Putrajaya

**S**uruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mahu pindaan dibuat terhadap Akta Persaingan 2010 bagi melindungi pengguna apabila sesuatu entiti perniagaan bergabung atau diambil alih. Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata pindaan

MyCC berusaha memperkuat fungsi dan peranannya dengan memulakan kajian bagi cadangan pindaan Akta Persaingan 2010”

Iskandar Ismail,  
Ketua Pegawai  
Eksekutif MyCC

HARI : RABU  
TARikh : 5/6/2019  
M/SURAT : 12

memastikan Akta Persaingan 2010 dikuat kuasa setaraf dengan kaedah terbaik antarabangsa supaya agensi itu dapat berfungsi dengan cekap dan berkesan dalam penguatkuasaan undang-undang persaingan di Malaysia.

Sementara itu, Iskandar berkata, sejak Akta Persaingan 2010 dikenakan pada 2012, setakat ini MyCC sudah menerima 542 aduan dan 14 arahan menteri untuk menyiasat. “Selain itu, MyCC sudah mengambil inisiatif bagi menjalankan penyejatan sebanyak 47 kes. Sebaliknya tujuh keputusan akhir telah diputuskan MyCC dan kutipan penalti bagi kesalahan di bawah Akta Persaingan 2010 adalah sebanyak RM3032 juta,” katanya.

**Pengguna tiada pilihan**  
“Kemudian, dia tiba-tiba berhenti beri diskain dan sebagainya kerana dia sudah monopoli dan kuasa persaingan, boleh naik harga sesuka hati dan menyebabkan pengguna tiada pilihan, jadi kita mahu ada kawalan berkenaan persaingan ini,” katanya. Iskandar berkata, MyCC akan

# MyCC kaji pasaran makanan negara

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengambil inisiatif menjalankan kajian semula pasaran terhadap lima barang makanan sebagai usaha memahami pasaran makanan secara lebih mendalam.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata ia selaras dengan Seksyen 11 Akta Persaingan 2010 dalam menentukan sama ada sebarang ciri atau gabungan ciri pasaran bagi barang makanan terpilih itu mungkin mengakibatkan kegagalan pasaran atau petunjuk isu persaingan.

Katanya, lima barang dipilih untuk kajian berkenaan ialah kobis, sawi, daging lembu, ikan kembung dan susu tepung bayi.

## Kumpul pandangan

“Sebelum memuktamadkan laporan diperoleh, MyCC akan menjalankan beberapa siri seranta awam dan menyeru orang ramai mengambil bahagian bagi mengumpul pandangan, input dan idea mengenai kajian pasarannya.

“MyCC kemudian akan me-

nyiarkan laporan diperoleh dan syor berkaitannya selaras dengan peruntukan mengikut Seksyen 12 Akta Persaingan 2010. Ini penting bagi membolehkan kita memahami pasaran makanan dan mengenal pasti sekiranya ada apa-apa amalan antipersaingan dalam pasaran terbabit,” katanya dalam kenyataan, di sini semalam.


## Siar laporan

Hasil sesi seranta awam ini akan dipertimbangkan dengan sewajarnya sebelum menyiar laporan akhir menjelang akhir Julai ini.

Salinan kajian pasaran itu boleh didapati di laman sesawang MyCC di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my) bermula 3 Jun hingga 3 Julai.

Orang ramai boleh mengemukakan maklum balas dan komen mereka melalui penyerahan bertulis kepada suruhanjaya.

Sesi seranta awam dijadualkan pada 18 Jun di Putrajaya untuk pegawai kerajaan dan 20 Jun di Kuala Lumpur untuk pemain industri.



**Lima barang makanan dipilih untuk kajian semula pasaran.**